



Pustakawan
180903 (4)

KEKAL ABADI

Berita Perpustakaan Universiti Malaya

Jil. 18 1999

Percuma ISSN 0127-2578

KAJIAN PENGGUNAAN JURNAL 1998

Prof. Madya Dr. Azhar Haji Husin¹

dan

Habsah Haji Ibrahim²

Abstract: The study aims to determine the journal titles used by University of Malaya Library clients, specifically the academic staff and postgraduate students. Two methodologies are employed - questionnaire and a use monitoring study. It is found that for current issues, usage was 52.8% in the Main Library, 53.9% in the Medical Library and 23.1% in the Law Library. For bound volumes usage averaged at 37%. Although there are some shortcomings, the study does give a general picture of the degree of use of journals subscribed by the library.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tajuk-tajuk jurnal yang digunakan oleh pengguna perpustakaan khususnya kakitangan akademik dan pascasiswazah. Dua kaedah telah digunakan iaitu kaedah soalselidik dan kaedah penggunaan jurnal di dalam perpustakaan. Didapati bahawa untuk keluaran kini, penggunaan adalah pada 52.8% di Perpustakaan Utama, 53.9% di Perpustakaan Perubatan dan 23.1% di Perpustakaan Undang-Undang. Bagi jurnal berjilid purata penggunaan adalah pada 37%. Walaupun terdapat beberapa kelemahan/pembatasan dalam kajian ini, iaanya dapat memberi gambaran secara umum terhadap penggunaan jurnal yang dilanggan oleh Perpustakaan Universiti Malaya.

Latarbelakang

Dalam keadaan di mana peruntukan yang diberikan jauh dari mencukupi untuk melanggan semua jurnal yang diperlukan oleh pengguna, adalah penting bagi Perpustakaan memastikan bahawa jurnal-jurnal yang dilanggan merupakan jurnal yang penting yang digunakan sepenuhnya oleh pengguna. Sekiranya sesuatu tajuk itu jarang digunakan, adalah lebih menjimatkan jika artikel-artikel darinya diperolehi melalui perkhidmatan pembekalan bahan. Bagi

KANDUNGAN/CONTENTS

Kajian Penggunaan Jurnal 1998/ <i>Journal Use Study 1998</i>	1
Tesis dan Latihan Ilmiah/ <i>Theses and Academic Exercises</i>	18
Kertas Kerja Persidangan/ <i>Conference Papers</i>	50
Maklumat Terkini Pengkomputeran/ <i>Update On Computerisation</i>	56
Koleksi Sistem Perpustakaan/ <i>The Library's Collections</i>	57
Perolehan Istimewa/ <i>Special Acquisitions</i>	58
Berita Ringkas/ <i>News in Brief</i>	58
Hal Ehwal Kakitangan/ <i>Staff Matters</i>	60

¹ Ketua, Jabatan Geologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya.

² Ketua, Bahagian Pembangunan & Pengurusan Sumber, Perpustakaan Universiti Malaya

tajuk-tajuk yang tidak digunakan langsung, langganannya perlu dibatalkan dan digantikan dengan tajuk-tajuk lain yang diperlukan.

Adalah menjadi tanggungjawab kita memastikan penggunaan sebaik mungkin peruntukan yang terhad dan mendapatkan faedah yang optimum darinya.

Menyedari hakikat di atas, Perpustakaan telah membuat kajian berhubung dengan penggunaan jurnal oleh kakitangan akademik dan pelajar di Perpustakaan Universiti Malaya (Perpustakaan Utama, Perpustakaan Perubatan, Perpustakaan Undang-Undang dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam).

Tujuan

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tajuk-tajuk jurnal penting yang digunakan oleh kakitangan akademik dan pelajar ijazah lanjutan khususnya dalam pengajaran dan penyelidikan. Ini akan membolehkan Perpustakaan menyediakan jurnal-jurnal yang diperlukan bagi menyokong rancangan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan di Universiti Malaya.

Penubuhan Jawatankuasa

Sebuah Jawatankuasa Kerja Mengkaji Penggunaan Jurnal di Perpustakaan Universiti Malaya telah ditubuhkan dengan ahli-ahlinya terdiri dari : Prof. Madya Dr. Azhar Haji Husin (Pengerusi), Jabatan Geologi, Fakulti Sains; Dr. Diljit Singh, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat; Prof. Madya Dr. Nor Azila Mohd. Adnan, Fakulti Perubatan; Dr. Tan Eu Chye, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran; Dr. Zakaria Harun, Fakulti Kejuruteraan; dan Puan Habsah bt. Haji Ibrahim (Setiausaha), Perpustakaan.

Tempoh Kajian

Tempoh pengumpulan data penggunaan ialah dari Julai 1997 hingga Jun 1998.

Bagi Perpustakaan Utama, kerja-kerja pemindahan jurnal ke bangunan baru Perpustakaan telah menyebabkan pengumpulan data penggunaan tergendala. Oleh itu tempohnya telah dilanjutkan sehingga 14 September 1998.

Kaedah Yang Digunakan

I. Kaedah Soalselidik

Borang-borang soalselidik dihantar kepada semua kakitangan akademik dan pelajar lepasan ijazah. Borang-borang perlu dikembalikan kepada perpustakaan dalam tempoh dua minggu dari tarikh borang dihantar.

Maklumat yang diminta ialah :

Maklumat responden seperti nama, jabatan, fakulti dan kategori pengguna.

Jurnal yang digunakan seperti tajuk, kekerapan terbitan, kekerapan penggunaan, tujuan penggunaan - untuk pengajaran, penyelidikan atau minat, dan lokasi - Perpustakaan Universiti Malaya atau lainnya.

Sebanyak 4,403 borang soalselidik telah dihantar kepada semua kakitangan akademik dan pelajar lepasan ijazah pada 21 Julai 1997, iaitu 1460 kepada kakitangan akademik dan 2943 kepada pelajar lepasan ijazah. Dari jumlah ini hanya 432 borang sahaja telah dikembalikan seperti berikut :

Kakitangan akademik : 274 (18.76%)

Pelajar lepasan ijazah : 158 (5.36%)

2. Kaedah Penggunaan Jurnal Di Dalam Perpustakaan

(i) Berjilid

(a) Jurnal dianggap sebagai digunakan jika ia dibawa ke meja dan digunakan di situ.

(b) Begitu juga dengan jurnal yang difotostat rencana tertentu dan diletakkan di meja/troli berdekatan mesin fotostat.

(c) Pembantu Perpustakaan diminta mengisi borang yang disediakan tujuan ini setiap hari. Mereka perlu mengisi maklumat berikut :

(d) Nama Pembantu Perpustakaan yang bertanggungjawab, tajuk jurnal, nombor panggilan jurnal, Jilid/tahun jurnal, tarikh penggunaan

(ii) Keluaran Kini

Keluaran-keluaran terkini jurnal telah dilekatkan di kulit luarnya dengan slip/borang. Pengguna diminta menandanya setiap kali mereka menggunakan di ruang-ruang yang disediakan bagi kategori pengajar, pelajar dan penyelidik.

Masalah-Masalah

Masalah-masalah berkaitan dengan kajian ini dikenalpasti seperti :

1. Peratusan jawapan daripada kakitangan akademik dan pelajar lepasan ijazah adalah terlalu kecil (12.06%).
2. Pelajar ijazah lanjutan tidak berada lama di Universiti. Besar kemungkinan ramai di antara mereka sudahpun tamat pengajian semasa borang soal-selidik dihantar kepada mereka.
3. Bagi keluaran-keluaran kini jurnal, kemungkinan terdapat data penggunaan yang tidak dapat dikesan disebabkan pengguna tidak menandakan penggunaan pada keluaran jurnal yang dibaca. Bagi jurnal berjilid pula, kemungkinan pengguna meletakkan kembali jurnal di rak selepas membacanya.
4. Terdapat data penggunaan yang tidak diketahui sama ada pensyarah, penyelidik atau pelajar yang membacanya.
5. Kerja merekod penggunaan tergendala disebabkan perpindahan Perpustakaan Majalah tetapi ini telah diatasi dengan

melanjutkan tempoh pemantauan selama 2 1/2 bulan lagi.

Hasil Utama Kajian

(Lihat Lampiran 1 (a) & (b))

1. Jurnal Kini

Perpustakaan Utama

Pada keseluruhannya, purata penggunaan tajuk adalah 877 buah dari jumlah 1660, iaitu 52.8%. Tajuk-tajuk bagi subjek seperti psikologi, pendidikan, sains sukan dan rekreasi merekodkan penggunaan yang tinggi (melebihi 80%). Tajuk-tajuk kejuruteraan lombong dan filologi dan kesusasteraan Timur merekodkan penggunaan yang rendah (kurang dari 20%). Tiada penggunaan yang direkodkan bagi 9 tajuk dalam Koleksi Tamil.

Perpustakaan Perubatan

Purata penggunaan tajuk-tajuk adalah 53.9 % (433 dari 803 tajuk). Tajuk-tajuk yang menunjukkan rekod yang tinggi (melebihi 80%) ialah dari subjek 'penyakit-penyakit alergi, sistem gastrousus, oftalmologi, kejururawatan, dan sistem kardiovaskular. Beberapa tajuk yang tidak digunakan langsung ialah biologi, pendidikan, perancang keluarga, perubatan am dan statistik manakala pergigian dan sugeri oral merekodkan 4% (2 daripada 50 tajuk).

Perpustakaan Undang Undang

Purata penggunaan ialah rendah iaitu 23.1% (43 dari 186 tajuk).

Perpustakaan Pengajian Islam

Purata penggunaan adalah rendah iaitu 4.5% (1 dari 22 tajuk).

2. Jurnal Berjilid

Perpustakaan Utama

Purata keseluruhan penggunaan ialah 32% dari tajuk yang terdapat. Tajuk dari subjek pertanian merekodkan peratusan penggunaan

yang sangat tinggi iaitu 85.7% (12 dari 14 tajuk, kekerapan: 106), diikuti oleh tajuk-tajuk dari subjek pendidikan iaitu 73.2% (101 dari 132 tajuk; kekerapan : 5150)

Perpustakaan Perubatan

Penggunaan tajuk berjilid adalah tinggi iaitu 46.7% dengan kekerapan yang tertinggi di dalam sistem perpustakaan Universiti, iaitu 12732. Beberapa tajuk menunjukkan penggunaan yang tinggi iaitu subjek 'dermatology', 'diseases of allergy' dan 'cardiovascular system'. Walaupun subjek 'biology' menunjukkan penggunaan 100%, hanya terdapat satu tajuk sahaja dalam subjek ini dan ianya digunakan sekali sahaja.

Beberapa subjek yang mana jurnal mereka yang tidak digunakan langsung iaitu 'dentistry', 'oral surgery' (50 tajuk) 'education' (4 tajuk), 'history' (8 tajuk) dan 'statistics' (1 tajuk).

Perpustakaan Undang Undang

Purata penggunaan tajuk ialah 41.9% dengan kekerapan sebanyak 783 kali.

Perpustakaan Pengajian Islam

Purata penggunaan ialah 27.3% dengan kekerapan sebanyak 142 kali.

3. Soalselidik

Daripada soalselidik tajuk-tajuk yang diperakui penggunaannya ialah 18.6% bagi Perpustakaan Utama, 29.5% bagi Perpustakaan Perubatan, 6.7% bagi Perpustakaan Undang Undang, dan 40.9% bagi Perpustakaan Akademi Pengajian Islam.

Ulasan/Komen Dari Pensyarah

Data penggunaan jurnal yang disusun mengikut penggunaan jurnal kini diikuti dengan jurnal berjilid berserta dengan ringkasan data penggunaan telah diedarkan kepada wakil-wakil Akademi/Fakulti/Pusat Jawatankuasa Perpustakaan pada 16 Disember, 1998. Wakil-wakil telah diminta

memberi ulasan berhubung dengan corak penggunaan bagi bidang Jabatan masing-masing berdasarkan kepada data penggunaan itu.

Rumusan

Berdasarkan kepada data penggunaan dan ulasan/komen dari pensyarah (melalui wakil Akademi / Fakulti / Pusat, Jawatankuasa Perpustakaan) rumusan bagi kajian ini adalah seperti berikut :

1. Soalselidik

- (a) Maklumbalas yang rendah adalah disebabkan responden tidak memberi perhatian serius terhadap kajian ini atau tidak berminat dengan soalselidik oleh kerana terlalu banyak kajian yang dijalankan bagi tahun 1996/1997 atau terlalu sibuk dengan beban kerja masing-masing. Walau bagaimanapun, peratusan ini bukanlah merupakan sesuatu yang luar biasa.

2. Jurnal Kini

- (b) Purata penggunaan adalah sebanyak 50%. Ini merupakan jurnal yang seringkali digunakan oleh pelajar. Pada kebiasaan, terdapat pensyarah yang melanggan sendiri jurnal-jurnal yang diperlukan atau mereka mendapatnya sebagai hadiah dari penerbit.
- (c) Lima puluh peratus (50%) jurnal yang digunakan ini adalah relevan kepada pengajaran dan penyelidikan yang ada sekarang.
- (d) Jurnal-jurnal ini juga merupakan jurnal multi-disiplin atau mahal atau tidak dilanggan oleh pensyarah.

3. Jurnal Berjilid

- (e) Fakulti yang mempunyai bilangan pelajar ijazah lanjutan yang tinggi menunjukkan penggunaan jurnal yang tinggi.

- (f) Pelajar ijazah kurang menggunakan jurnal berjilid. Jurnal-jurnal berjilid adalah lebih digunakan oleh penyelidik.
 - (g) Pelajar ijazah juga banyak bergantung kepada penggunaan Internet untuk mendapat bahan. Oleh itu penggunaan jurnal oleh mereka adalah kurang.
 - (h) Ramai pensyarah yang telah membuat salinan-salinan foto rencana-rencana yang diperlukan. Oleh itu, mereka tidak perlu lagi merujuk berulangkali jurnal-jurnal berkenaan.

Bagi kedua-dua jurnal kini dan berjilid, terdapat kemungkinan jumlah-jumlah berkenaan tidak digunakan disebabkan kursus-kursus bagi bidang yang berkaitan tidak ditawarkan lagi di Universiti ini dan pensyarah-pensyarahnya juga telah bersara.

Kesimpulan

1. Walaupun terdapat beberapa kelemahan atau pembatasan dalam kajian penggunaan jurnal ini, ianya telah memberi gambaran secara umum terhadap penggunaan jurnal yang dilanggan oleh Perpustakaan. Mungkin untuk sesetengah tajuk, data yang diperolehi dari kajian ini merupakan penggunaan yang sebenarnya. Contohnya beberapa tajuk dalam bidang pendidikan.
 2. Data penggunaan ini juga telah membantu Dekan-Dekan / Ketua-Ketua Jabatan sedikit sebanyak dalam membuat pemilihan/menentukan tajuk-tajuk jurnal yang perlu diteruskan langganan bagi tahun 1999.
 3. Pemantauan jurnal adalah penting untuk mengelakkan pembaziran dan memastikan supaya jurnal-jurnal yang dilanggan digunakan sepenuhnya oleh pengguna. Untuk mendapat data penggunaan yang lebih tepat, pemantauan bagi tempoh yang lebih

lama patut dibuat. Oleh itu, Perpustakaan akan meneruskan pemantauan penggunaan jurnal yang dilanggan bagi tahun 1999. Pemantauan ini akan dibuat mulai Julai 1999 akan datang ini. Segala kelemahan yang terdapat dalam kajian penggunaan jurnal ini akan cuba diatasi dengan memperkemaskan lagi prosedur pengumpulan data dan mengumumkan kepada pensyarah dan lain-lain pengguna Perpustakaan mengenainya dengan cara yang lebih meluas dan berkesan.

RINGKASAN KAJIAN PENGGUNAAN JURNAL: PERPUSTAKAAN UTAMA

No. Kelas	Subjek	Jumlah Tajuk	Jurnal Kini	Penggunaan				Soal Selidik		
				Bilangan Tajuk		Bilangan Tajuk	Kekerapan			
				Bil.	%					
A	KARYA-KARYA AM	32	15	46.9	703	2	6.2	3	0	
B-BD	FALSAFAH	13	10	76.9	28	2	15.3	10	0	
BF	PSIKOLOGI	24	21	87.5	322	11	45.8	180	2	
BL-BX	UGAMA	21	12	57.1	114	4	19.0	14	2	
C-D	SEJARAH AM & SEJARAH DUNIA	21	11	52.4	320	7	33.3	24	0	
DS	ASIA	82	44	53.7	1004	13	15.9	242	15	
DT	AFRIKA	5	4	80.0	13	0	0	0	0	

Sambung...

No. Kelas	Subjek	Jumlah Tajuk	Penggunaan						Soal Selidik	
			Jurnal Kini			Jurnal Berjilid				
			Bilangan Tajuk		Kekerapan	Bilangan Tajuk		Kekerapan		
			Bil.	%		Bil.	%			
DU	OCEANIA	3	2	66.7	17	1	33.3	42	1	
E-F	BENUA AMERIKA	6	4	66.7	16	0	0	0	2	
G-GA	GEOGRAFI (AM) & KARTOGRAFI	26	11	42.3	108	3	11.5	51	0	
GB	GEOGRAFI FISIKAL	4	0	0	0	1	25.0	1	0	
GF-GN	ANTROPOGEOGRAFI & ANTROPOLOGI	19	12	63.2	38	2	10.5	2	1	
GR	KEBUDAYAAN RAKYAT	1	0	0	0	0	0	0	0	
GV	SAINS SUKAN, REKREASI	13	11	84.6	339	1	7.7	2	1	
H	SAINS KEMASYARAKATAN	8	4	50.0	18	2	25.0	14	0	
HA	STATISTIK	12	3	25.0	6	2	16.7	11	1	

Sambung...

No. Kelas	Subjek	Jumlah Tajuk	Penggunaan						Soal Selidik * Kekerapan	
			Jurnal Kini			Jurnal Berjilid				
			Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Bil.		
Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.		
HB-HJ	EKONOMI	147	80	54.4	1049	35	23.8	276	27 (6[TN], 1[S])	
HM-HX	SOSIOLOGI	62	44	71.0	337	24	38.7	172	10 (1[S])	
J-JV	SAINS POLITIK	16	8	50.0	26	9	56.3	39	0 0	
JX	UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA, DOKUMEN-DOKUMEN U.N.	3	1	33.3	15	1	33.3	10	0 0	
L	PENDIDIKAN	138	120	87.0	2906	101	73.2	5150	44 (21[S], 1[J], 17[TN])	
M	MUZIK	17	7	41.1	89	1	5.9	1	1 5.9	
N	SENI HALUS	15	1121	86.7	779	4	26.7	25	2 13.3	
P	FILIOLOGI DAN LINGUISTIK PERBANDINGAN	30	17	56.7	114	17	56.7	253	8 26.7	
									87	

Sambung...

No. Kelas	Subjek	Jumlah Tajuk	Penggunaan						Soal Selidik	
			Jurnal Kini			Jurnal Berjilid				
			Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Kekerapan		
			Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%		
PA-PH	FILOLOFI EROPAH, KESUSASTERAAN KLASIK	8	6	75.0	82	3	37.5	13	4 50.0 60	
PJ-PL	FILOLOGI DAN KESUSASTERAAN TIMUR	11	2	18.2	16	2	18.2	3	0 0 0	
PN-PT	KESUSASTERAAN (AM, ROMANI, INGGERIS, JERMANIK)	49	27	55.1	272	20	40.8	61	8 16.3 80 (1[S])	
Q	SAINS	37	20	54.1	237	7	19.0	167	6 16.2 113 (2[S], 1[J])	
QA	MATEMATIK	124	64	51.6	562	17	13.7	100	18 14.5 300 (15[S]. 19[TN])	
QB	ASTRONOMI	2	1	50.0	2	0	0	0	1 50.0 12	
QC	FIZIK	74	33	44.6	398	33	44.6	988	31 41.9 1356 (11[S], 5[J], 8[TN])	

Sambung...

No. Kelas	Subjek	Jumlah Tajuk	Penggunaan						Soal Selidik		
			Jurnal Kini			Jurnal Berjilid					
			Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Kekerapan			
			Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%			
QD	KIMIA	46	26	56.5	374	29	63.0	327	24	52.2	938 (12[S], 4[TN])
QE	GEOLOGI	95	23	24.2	127	23	24.2	139	10	10.5	125
QH-QR	SAINS BIOLOGI	186	75	40.3	482	62	33.3	570	46	24.7	1049 (S[18], 9[J], 10[TN])
R	PERUBATAN	23	14	60.9	209	5	21.7	46	2	8.7	36 (3[S], 1[J])
S	PERTANIAN	14	9	64.3	72	12	85.7	106	5	35.7	131
T	TEKNOLOGI	4	1	25.0	1	2	50.0	4	0	0	0
TA-TH	KEJURUTERAAN (AM) & KEJURUTERAAN AWAM	87	43	49.4	488	24	27.6	176	18	20.7	376 (1[S], 1[J], 2[TN])
TJ-TL	KEJURUTERAAN JENTERA, LEKTRIK & AERONOTIK	53	22	41.5	290	18	34.0	86	6	11.3	111 (2[TN])

Sambung...

No. Kelas	Subjek	Jumlah Tajuk	Penggunaan						Soal Selidik	*Kekerapan		
			Jurnal Kini			Jurnal Berjilid						
			Bilangan Tajuk		Kekerapan	Bilangan Tajuk		Kekerapan				
			Bil.	%		Bil.	%		Bil.	%		
TN	KEJURUTERAAN LOMBONG	6	1	16.7	1	0	0	0	1	16.7		
TP	KEJURUTERAAN KIMIA	16	6	37.5	69	11	68.8	115	3	18.8		
TR	FOTOGRAFI	1	1	100.0	14	0	0	0	0	0		
TS-TT	PEMBUATAN, PERTUKANGAN TANGAN	10	4	40.0	13	1	10.0	2	3	30.0		
TX	SAINS RUMAH TANGGA	2	1	50.0	8	1	50.0	1	0	0		
U-V	SAINS KETENTERAAN 7 SAINS PELAYARAN	3	1	33.3	26	0	0	0	0	0		
WU	KESUSASTERAAN TAMIL	9	0	0	0	0	0	0	0	0		
Z	BIBLIOGRAFI & SAINS PERPUSTAKAAN	82	43	52.2	253	19	23.2	33	6	7.3		
	JUMLAH KESELURUHAN	1660	877	52.8	12357	532	32.0	9449	309	18.6		

RINGKASAN KAJIAN PENGGUNAAN JURNAL: PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG

Jumlah Tajuk	Penggunaan						Soal Selidik	
	Jurnal Kini			Jurnal Berjilid				
	Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	* Kekerapan		
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%		
465	43	9.2	169	78	16.8	783	31 6.7 298 (8[TN], 2[S], 1[J])	

RINGKASAN KAJIAN PENGGUNAAN JURNAL: PERPUSTAKAAN PENGAJIAN ISLAM

Jumlah Tajuk	Penggunaan						Soal Selidik	
	Jurnal Kini			Jurnal Berjilid				
	Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	* Kekerapan		
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%		
22	1	4.5	14	6	27.3	142	9 40.9 83	

Nota:

S - Sering } Responden tidak memberitahu/

J - Jarang-Jarang } nyatakan bilangan kali

TN - Tidak dinyatakan } penggunaan jurnal

Lampiran 1 (b)

RINGKASAN KAJIAN PENGGUNAAN JURNAL: PERPUSTAKAAN PERUBATAN

Subjek	Jumlah Tajuk	Penggunaan				Soal Selidik				
		Jurnal Kini		Jurnal Berjilid						
		Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Kekerapan					
		Bil.	%	Bil.	%					
BIOKIMIA	29	19	65.5	156	17	58.6	619	11	38.0	227 (2[TN])
BIOLOGI	1	0	0	0	1	100.0	1	0	0	0
SISTEM KARDIOVASKULAR	21	17	81.0	251	18	85.7	475	14	66.7	307 (1[TN])
PATOLOGI KLINIKAL	15	6	40.0	28	10	66.7	95	1	6.7	22
PENYAKIT-PENYAKIT KEKURANGAN	2	1	50.0	27	1	50.0	26	0	0	0
PERGIGIAN, SURGERI ORAL	50	2	4.0	22	0	0	0	19	38.0	876
DERMATOLOGI	6	4	66.7	16	6	100.0	22	4	66.7	86
PENYAKIT-PENYAKIT ALERGI	2	2	100.0	20	2	100.0	9	2	100.0	40
PENDIDIKAN	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0

Sambungan...

Subjek	Jumlah Tajuk	Penggunaan				Soal Selidik				
		Jurnal Kini		Jurnal Berjilid						
		Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Kekerapan					
		Bil.	%	Bil.	%					
SISTEM ENDOKRIN	14	10	71.4	136	5	35.7	132	3	21.4	48
PERANCANG KELUARGA	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SISTEM GASTROUSUS	16	14	87.5	474	12	75.0	184	11	68.8	472
PERUBATAN AM	11	0	0	0	0	0	0	0	0	0
GERIATRIK, PENYAKIT KRONIK	7	4	57.1	38	1	14.3	2	3	42.9	60
GINEKOLOGI	7	5	71.4	22	3	42.9	44	2	28.6	22
SISTEM HEMATOLOGI DAN LIMFATIK	9	5	55.6	39	6	66.7	104	6	66.7	102
SEJARAH	8	4	50.0	7	0	0	0	0	0	0
HOSPITAL-HOSPITAL	9	7	77.8	45	4	44.4	25	3	33.3	46
ANATOMI MANUSIA	10	4	40.0	15	3	30.0	5	2	20.0	60
PENYAKIT-PENYAKIT BERJANGKIT	15	10	66.7	83	10	66.7	366	7	46.7	132 91[TN])

Sambungan...

Laman 1 (p)

Subjek	Jumlah Tajuk	Penggunaan						Soal Selidik *Kekerapan	
		Jurnal Kini		Jurnal Berjilid		Bilangan Tajuk	Kekerapan		
		Bil.	%	Bil.	%				
PROFESION PERUBATAN	18	10	55.6	104	11	61.1	123	8 44.4 343	
MIKROBIOLOGI DAN IMUUNOLOGI	41	23	56.1	197	21	51.2	477	14 34.1 271	
SISTEM OTOT SKELETAL	16	5	31.3	72	8	50.0	231	4 25.0 94[S])	
SISTEM SARAF	34	18	53.0	101	15	44.1	106	9 26.5 185	
KEJURURAWATAN	27	22	81.4	320	18	66.7	463	1 3.7 12	
OBSTETRIK	22	16	72.7	263	14	63.6	417	4 18.2 86	
OFTALMOLOGI	15	13	86.7	198	9	60.0	2341	12 80.0 1311	
OTORINOLARINGOLOGI	18	7	38.9	62	10	55.6	56	7 38.9 143	
PEDIATRIK	38	23	60.5	306	15	39.5	309	11 29.0 (4[TN])	

Sambungan...

Subjek	Jumlah Tajuk	Penggunaan						Soal Selidik (6[LU])	
		Jurnal Kini		Jurnal Berjilid		Bilangan Tajuk			
		Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bil.	%	Bil.	%		
PARASITOLOGI	20	5	25.0	14	6	30.0	12	6 3[TN])	
PATOLOGI	41	17	41.5	113	22	53.6	434	11 26.8 328	
FARMAKOLOGI	50	29	58.0	253	24	48.0	220	8 16.0 119 (5[TN])	
FISIOLOGI	24	12	50.0	122	10	41.7	76	8 33.3 169	
AMALAN PERUBATAN	34	21	61.8	251	19	55.9	4504	11 32.4 (1[TN], 1[S])	
PSIKIATRI	38	20	52.6	116	16	42.1	196	6 15.8 217 (1[TN])	
KESIHATAN UMUM	48	27	56.3	85	16	33.3	107	0 0 0	
RADIOLOGI	26	20	76.9	169	15	57.7	199	10 38.5 392	
SISTEM PERNAFASAN	7	4	57.1	36	2	28.6	51	4 57.1 80 (1[S])	

Sambungan...

Subjek	Jumlah Tajuk	Penggunaan						Soal Selidik	
		Jurnal Kini		Jurnal Berjilid		Bilangan Tajuk			
		Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bilangan Tajuk	Kekerapan	Bil.	%		
PERANGKAAN	1	0	0	0	0	0	0		
SUGERI	32	19	59.4	220	18	56.3	214	7	
SISTEM	12	8	66.7	177	7	58.3	87	8	
JUMLAH KESELURUHAN	803								

Nota.*

- S - Sering } Responden tidak memberitahu
- J - Jarang-Jarang } nyatakan bilangan kali
- TN - tidak dinyatakan } penggunaan jurnal